

28/10/1998

PM ajak rakyat hayati ajaran Islam

MELAKA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu umat Islam menghayati ajaran Islam sebenar kerana imej Islam mudah dirosakkan oleh orang yang berkepentingan dengan menonjolkan diri sebagai jaguh dan alim dalam agama.

Perdana Menteri berkata, mereka itu yang menyebabkan imej Islam dianggap kolot serta merosakkan agama Islam.

"Mereka ini kerap berselindung dengan topeng agama kerana mereka tahu umat Islam walaupun cetek pengetahuan agama, begitu kuat berpegang kepada Islam sehingga apa saja yang dikaitkan dengan agama akan dipercayai," katanya.

Menurutnya, pada masa yang sama, perbuatan mereka itu memberi gambaran kepada orang bukan Islam bahawa agama Islam begitu kolot sekali.

Dr Mahathir berkata, mereka yang membawa kehinaan itu berpendapat pandangan orang bukan Islam terhadap agama Islam tidak perlu diberi apa-apa penghargaan.

"Sikap ini amat merugikan agama Islam kerana ia menyekat perkembangan Islam dan pengaruhnya," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Tilawah Peringkat Kebangsaan Ke-41 bertemakan Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita, di Stadium Kubu, di sini, malam ini.

Menurutnya, jika hari ini umat Islam tidak berpengaruh dan selalunya lemah serta ditindas, sebabnya ialah kerana kepercayaan kolot yang sebenarnya bertentangan dengan agama Islam wujud di kalangan mereka.

Perdana Menteri berkata, kepercayaan kepada cerita kononnya orang tertentu meninggal dunia dan badannya bertukar menjadi khinzir dan ditanam di belakang rumahnya, membuktikan betapa cetek kefahaman dan pegangan Islam di kalangan sesetengah umatnya.

Berikutan itu, beliau menegaskan kerajaan berpendapat ajaran agama perlu diawasi secara rapi kerana ada saja orang yang berani memperalatkan agama dan nama Allah untuk kepentingan diri.

"Cerita dan dakwaan yang dibuat oleh mereka boleh merosakkan akidah umat Islam tidak sedikit pun dihiraukan.

"Jika mereka tidak takut berbohong dan berdosa, sebabnya tentulah kerana pegangan mereka kepada agama begitu lemah," katanya.

Dr Mahathir berkata, pembacaan dan pendedahan tafsiran ayat al-Quran adalah satu cara yang amat berkesan untuk mengembangkan ajaran Islam sebagaimana penganjuran majlis tilawah setiap tahun.

Katanya, dengan berkembangnya pengetahuan agama melalui pengenalan isi kandungan al-Quran, umat Islam akan terpelihara daripada tafsiran dan ajaran karut yang dibuat oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

"Pembacaan berlagu memudahkan hafalan dan menarik lebih ramai untuk mendengar bacaan ayat suci al-Quran," katanya.

Beliau juga berkata, mereka yang berpendapat bacaan al-Quran bertentangan dengan kehendak agama, sepatutnya meneliti sejarah kemajuan al-Quran.

"Tujuan membaca al-Quran dengan berlagu bukanlah kerana hendak asyik sehingga hilang akal tetapi kerana hendak memudahkan ingat dan penghafalan ayat suci," katanya.

Menurutnya, walaupun membaca dengan berlagu, penghormatan terhadap al-Quran dari segi ketertiban dalam membaca masih diperlukan dan begitu juga ketertiban yang diamalkan oleh penyanyi lagu nasyid.

(END)